

**Najib Lakukan Tinjauan Mesra Di Tanjung Tokong  
Bernama  
8 Disember, 2012**

GEORGE TOWN, 8 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak melakukan tinjauan mesra di rumah panjang transit di Tanjung Tokong, rumah penempatan sementara penduduk kampung itu di sini Sabtu.

Lebih 300 orang penduduk di situ menyambut ketibaan Perdana Menteri yang dimeriahkan dengan paluan kompang dan bunga manggar.

Sebaik tiba, Najib dibawa melawat rumah ketua penduduk di situ, Mohd Basir Bakar, 51, dan beramah mesra dengan anggota keluarganya sambil menikmati juadah bingka ubi dan karipap yang disediakan isteri Mohd Basir, Rosliza Ali.

Rosliza, 45, ketika ditemui pemberita berkata beliau sekeluarga berasa sangat gembira dan bertuah kerana Perdana Menteri meluangkan masa berkunjung ke rumahnya walaupun hanya untuk seketika.

"Saya berasa bangga atas kesudian Perdana Menteri datang melihat keadaan kami di sini. Ini kali pertama saya bersua muka dengan beliau. Setakat tiga tahun tinggal di sini, kami tidak mengalami sebarang masalah, semua kelengkapan cukup...cuma perparitan di sini agak kurang memuaskan," kata ibu kepada lapan orang anak itu.

Penempatan sementara yang disediakan UDA Holdings Sdn Bhd ialah rumah teres tiga bilik yang dibina khusus untuk penduduk kampung itu sebelum mereka menerima rumah baru.

Dalam pada itu, Najib turut beramah mesra dengan penduduk di Pangsapuri Uda Tanjung Tokong.

Salah seorang penduduk Yusoff Noor, 68, berkata kedatangan Najib mengembalikan nostalgia kunjungan bekas Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussein, bapa Najib pada 1972.

"Dulu tempat ni kampung nelayan, Tun Razak mai jalan kaki mula dari Masjid Karwa sampai sini. Jauh jugak tu...la ni lepas 40 tahun anak dia pula mai," katanya.

Beliau turut berharap kehadiran Najib akan membawa perubahan dalam aspek pembangunan sosial masyarakat di situ.

Selain itu, Perdana Menteri turut meluangkan masa melawat rumah seorang ibu tunggal yang menghidap angin ahmar.

Seorang suri rumah, Azizah Yusof, 52, sanggup mengorbankan masa tidur demi menyiapkan lukisan potret wajah Perdana Menteri.

"Siang sibuk dengan aktiviti seharian jadi tengah malam baru saya mula lukis potret ini," katanya yang mengambil masa selama tiga jam untuk menyiapkan lukisannya.

Beliau berbangga kerana Najib turut menandatangani hasil kerjanya dan berkata ia akan dibingkai untuk digantung di Dewan Komuniti 1Malaysia penduduk Tanjung Tokong.

Najib kemudiannya dibawa melawat Galeri Warisan Tanjung yang mempamerkan pelbagai manuskrip lama dan gambar-gambar bersejarah yang berkaitan Tanjong Tokong sebelum menghadiri majlis perkahwinan penduduk di situ di perkarangan Masjid Tuan Guru.

Beliau seterusnya melawat masjid tersebut sebelum menunaikan solat Asar dan kemudiannya meninggalkan kawasan itu pada pukul 5 petang untuk pulang ke ibu negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=714985>